

25 MAR 1996

Mahathir-MB

PERLANTIKAN SANUSI SEBAGAI MB KEDAH CUMA KHABAR ANGIN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan bahawa desas-desus mengenai perlantikan Datuk Seri Sanusi Junid sebagai Menteri Besar Kedah yang baru cuma khabar angin dan Tan Sri Osman Aroff masih menjadi Menteri Besar.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu bagaimana berita mengenai perlantikan itu boleh tersebar sedangkan Osman masih menjadi Menteri Besar.

"Tak tahulah. Barangkali mereka ada dengar rumours (khabar angin) ke atau apa ke, saya tak tahulah.

"Tan Sri Osman nampak masih jadi Menteri Besar lagi," katanya ketika ditanya pemberita selepas perasmian persidangan Parlimen oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, di sini.

Semalam, 22 daripada 26 Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah menandatangani memorandum menolak sebarang usaha untuk melantik Sanusi, bekas Menteri Pertanian yang kini menjadi Anggota Dewan Undangan Negeri Kuah, sebagai Menteri Besar Kedah.

Memorandum itu, yang dikatakan sudah disampaikan kepada Perdana Menteri Jumaat lepas, meminta supaya Osman dikekalkan sebagai Menteri Besar.

Ketika ditanya sama ada beliau sudah menerima memorandum itu, Dr Mahathir berkata: "Saya pun tak dapat memorandum itu lagi".

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, mengikut adat UMNO, mereka sepatutnya datang berjumpa beliau terlebih dahulu untuk membincangkan perkara itu kerana beliau sentiasa bersedia mendengar pendapat orang lain terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu keputusan.

"Tapi tak apalah, dia nak dapat publisiti sikit barangkali. Saya terbuka kalau ada apa-apa saya (sedia) jumpa (sesiapa pun)," katanya ketika ditanya pandangannya mengenai memorandum itu.

Tahun lepas, Perdana Menteri sudahpun menemui kesemua Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah dan Anggota Parlimen Kedah dari Barisan Nasional berhubung perkara itu di Jabatan Perdana Menteri.

Pada perjumpaan itu, mereka telah menyerahkan perkara berkenaan kepada Dr Mahathir untuk membuat keputusan.

Ketika ditanya pemberita hari ini mengapa isu itu dibangkitkan semula, Dr Mahathir berkata, beliau sendiri tidak tahu asal usul berita berkenaan.

Katanya, walaupun soal perlantikan Menteri Besar dan Ketua Menteri merupakan hak Perdana Menteri, beliau tetap mengambil kira pandangan orang lain yang berkaitan.

Ketika ditanya sama ada memorandum itu akan mengganggu keputusan yang akan dibuatnya berhubung soal Menteri Besar Kedah, Dr Mahathir berkata: "Tak tahulah tu. Kita tengoklah apa dia. Saya balik ke nanti, saya nak pergi ke New Zealand, ada masa sikit nak fikirilah".

Apabila ditanya sama ada beliau akan memikirkan soal perlantikan Menteri Besar Kedah itu semasa berada di New Zealand, Perdana Menteri secara berseloroh menjawab: "Fikir pasal New Zealandlah".

Ketika ditanya lagi sama ada Sanusi akan dilantik sebagai Menteri Besar Kedah, beliau tetap berkata: "Tak tahulah."

Dr Mahathir berlepas ke New Zealand petang ini untuk lawatan rasmi lima hari.

Sementara itu, Sanusi berkata beliau tidak menerima sebarang surat jemputan daripada penganjur memorandum berkenaan.

Semalam, Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, Datuk Zainol Md Isa, yang bertindak sebagai jurucakap anggota-anggota Dewan Undangan Negeri yang

menandatangani memorandum itu, berkata Sanusi turut dijemput menghadiri mesyuarat pada 21 Mac itu tetapi beliau tidak menghadirinya.

Sanusi, yang ditemui pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, berkata beliau tidak tahu mengapa desas-desus mengenai perlantikannya sebagai Menteri Besar Kedah dibangkitkan semula.

"Saya tak mahu komen," kata Sanusi ketika diminta pandangannya mengenai memorandum itu.

Sanusi juga berkata, beliau tidak membincangkan perkara itu dengan Dr Mahathir sebelum Perdana Menteri berlepas ke New Zealand. -- BERNAMA

AH NMO